

23 AUG 2001

Mahathir-Pendidikan

PM HARAP YAYASAN PENDIDIKAN CHERAS BANTU LEBIH BANYAK SEKOLAH ANGKAT

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menganggap kewujudan Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) yang kini mempunyai dana RM1 juta sebagai satu usaha murni ke arah meningkatkan prestasi pelajar sekolah terutamanya mereka yang datang daripada keluarga kurang mampu.

Perdana Menteri melahirkan harapan yayasan itu akan memberikan bantuan kepada lebih banyak sekolah angkat berbanding 19 buah sekarang.

"Saya juga harap lebih banyak penderma tampil menghulurkan bantuan kepada yayasan ini kerana ia merupakan satu usaha murni, mulia dan selaras dengan ajaran Islam," katanya ketika melancarkan YPC di Stadium Badminton Kuala Lumpur, Cheras, di sini.

Dr Mahathir berkata golongan pelajar perlu menggunakan sebaik-baiknya segala peluang pendidikan yang diberikan kepada mereka berbanding dengan kesukaran yang terpaksa dihadapi oleh pelajar di sesetengah negara lain.

"Di Uganda misalnya, anak-anak perempuan sukar mendapat pelajaran kerana kemiskinan. Ibubapa mereka akan mengahwinkan mereka untuk melepaskan beban memelihara anak perempuan. Jadi jarang mereka dapat meneruskan pelajaran," katanya.

Dr Mahathir pulang ke tanah air semalam dari Uganda selepas menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika 2001 di situ.

Program sekolah angkat berkenaan diasaskan oleh Umno bahagian Cheras dan ia bermula pada tahun 1994 dengan Sekolah Pendidikan Khas Jalan Peel menjadi sekolah angkat pertama.

Empat tahun kemudian, apabila Datuk Syed Ali Alhabshee menjadi ketua Umno bahagian itu, bilangannya meningkat setelah program itu mendapat sambutan menggalakkan.

Setakat ini, terdapat 19 buah sekolah angkat terdiri daripada 11 buah sekolah rendah kebangsaan, enam buah sekolah menengah serta tadika Kemas dan tabika perpaduan.

Kewujudan YPC, antara lain, bertujuan membantu pihak sekolah, pelajar dan guru-guru dalam usaha menjadikan sekolah sebuah institusi pembelajaran yang selesa dan selamat untuk para pelajar.

YPC ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 18 Sept tahun lepas.

-- BERNAMA

MAM HS PR